




**NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA PENGGUNAAN/SEWAAN DATARAN KULIM BAGI  
MAKSUD MENGADAKAN KARNIVAL JUALAN SEMPENA RAMADHAN DAN HARI RAYA  
AIDILFITRI TAHUN 2021 BERMULA DARI 13 APRIL 2021 HINGGA 12 MEI, 2021**

1. Tawaran sebut harga ini dibuka pada **22 Mac, 2021** dan borang sebut harga boleh diperolehi di kaunter Pejabat Daerah dan Tanah Kulim bermula **jam 8.00 pagi hingga 3.30 petang**.
2. Harga borang sebut harga adalah **RM20.00 seunit**.
3. Pemohon perlu mengemukakan bersama dokumen-dokumen berikut sewaktu menyertai sebut harga di atas ;
  - i) Salinan Kad Pengenalan pemohon
  - ii) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) yang terkini.
  - iii) Salinan Penyata Akaun Bank syarikat terkini.
4. Penyebut harga dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 1% daripada harga tawaran. Deposit sebut harga hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Pos, Kiriman Wang atau Bank Draf** sahaja atas nama **PEGAWAI DAERAH KULIM**.
5. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat bayaran secara **TUNAI SAHAJA** mengikut kaedah pilihan seperti yang terkandung di dalam borang sebut harga. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh yang telah ditetapkan, tawaran sewaan Dataran Kulim akan terbatal dan deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
7. Penyebut harga yang berjaya dalam pemilihan ini perlu mematuhi terma/syarat penggunaan Dataran Kulim yang akan dimaklumkan dalam notis keputusan sebut harga.
8. Borang sebut harga yang tidak lengkap dan tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang dinyatakan di atas tidak akan diterima dan dipertimbangkan.

9. Keputusan pemilihan sebut harga yang berjaya tidak tertakluk kepada harga tawaran yang tertinggi.
10. Deposit sebut harga bagi pembida yang tidak berjaya dalam pemilihan akan dikembalikan dalam tempoh yang ditetapkan oleh pentadbiran ini.
11. Sila catatkan **SEBUT HARGA SEWAAN DATARAN KULIM** pada kiri sampul surat sebut harga dan kembalikan ke pentadbiran ini pada atau sebelum **28 MAC, 2021 JAM 12.00 TENGAHARI**



[HAJI ABDUL BARI BIN ABDULLAH., AMK., BCK]  
Pegawai Daerah Kulim  
Kedah Darul Aman

Tarikh : 22 Mac 2021